

06 SEP 1999

SERI PADUKA KIRIM PERUTUSAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN BRAZIL

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Brazil, Fernando Henrique Cardoso sempena hari kebangsaan negara itu esok.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong ingin mengucapkan tahniah dan ucap selamat kepada Tuan Yang Terutama dan seluruh rakyat Brazil," titah Seri Paduka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada Presiden Cardoso, berkata beliau gembira kerana kedua-dua negara terus menjalin perhubungan yang mesra dan membina walaupun menghadapi masalah ekonomi.

"Saya yakin hubungan di antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan di tahun-tahun akan datang," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya dari Brazil Luiz Felipe Lampreia.

-- BERNAMA

ZUE AKD